

PROGRAM “ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (ENVEX) 2009”

Buat pertama kalinya atas langkah yang proaktif pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Pusat-pusat Pengajian telah menganjurkan program ENVEX 09 pada 21 hingga 22 Mac 2009 bertempat di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Kampung Wai.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menyuntik semangat dan membantu merealisasikan impian serta hasrat generasi muda terutamanya mahasiswa UniMAP dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan kepada bidang penyelidikan dan inovasi. Malahan menerusi penganjuran program seperti ini juga secara tidak langsung dapat menjadi platform dalam membuat pemilihan produk penyelidikan mahasiswa bagi

mewakili Universiti ke pertandingan penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan seperti NRIC dan EINIC ataupun peringkat antarabangsa.

Sebanyak 64 produk penyelidikan yang dihasilkan oleh mahasiswa UniMAP dari setiap Pusat Pengajian telah menyertai pertandingan pada kali ini. Antara produk-produk yang mengambil bahagian adalah tujuh dari PPK Komputer & Perhubungan, lima dari PPK Mekatronik, lapan dari PPK Alam Sekitar, sebelas dari PPK Mikroelektronik, enam dari PPK Pembuatan, tujuh dari PPK Bioproses, lima dari PPK Sistem Elektrik dan lima belas dari PPK Bahan. Program ENVEX 09 telah menganjurkan pertandingan bagi 7 kategori utama iaitu: ->>>

>>> **Sambungan**

Kategori A : Mechanic, Engines, Metallurgy, Machinery & Tools

Kategori B : Computer Science, Video & Telecommunication

Kategori C : Electronic Technology

Kategori D : Building, Civil Engineering Construction, Materials & Woodwork

Kategori E : Electrical Technology

Kategori F : Enviroment, Energy & Water

Kategori G : Biotechnology & Acriculture

Malahan pihak penganjur ENVEX 09 turut memperkenalkan beberapa kategori tambahan iaitu "The Best Committed School Award", "The Highest Participation Award", "The Best Booth Award", "Industrial Special Awards" dan "Best Invention & Innovation Award".

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Saudari Azliyana Binti Ahmad, pelajar Tahun 4 dari PPK Bahan telah berjaya muncul sebagai pemenang bagi kategori utama "Best Invention & Innovation Award" melalui produk penyelidikannya iaitu CD-R Waste Recycling Process : Ultrasonic Separation Process Of Gold. Malahan Saudari Azliyana turut memenangi hadiah bagi kategori F. Beliau membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1,500.00, sijil dan piala pusingan. Bagi kategori "The Best Committed School Award" dimenangi oleh PPK Alam Sekitar, kategori "The Highest Participation Award" dimenangi oleh PPK Bahan, "The Best Booth Award" dimenangi oleh PPK

Mikroelektronik dan "Industrial Special Awards" dimenangi oleh produk Palm Ash and PBC Waste As A Brake Pad Material (PPK Bahan) dan produk S.E.D.A.P - Safe, Enviromental-friendly, Degradable, Authentic Paper (PPK Alam Sekitar). Pemenang bagi setiap kategori A hingga G adalah seperti berikut :

Kategori A : Design And Fabrication Of Human Transporter (Kok Wei Zet- PPK Pembuatan)

Kategori B : Bus Trip Monitoring System (Abdul Malek Bin Kathar Ismail, Mohamad Firdaus Bin Hanapiah & Nor Rafidah Bt Mohd Nasir - PPK Komputer & Perhubungan)

Kategori C : ROOMBOT - A Housekeeping Robot (Sim Kwoh Fung, Chong Chee Kiat & Lye Jing Yiau - PPK Mekatronik)

Kategori D : Properties Of Natural Fiber From Typha Latifolia. Polystyrene Composite Panel (Nurul Razliana Bt Abdul Razak, Asma Bt Kamarul Asri & Alida Abdullah - PPK Bahan)

Kategori E : Development Of A 135W Single-Phase Induction Generator With 240Vac Output (Goh Chen Ling- PPK Sistem Elektrik)

Kategori F : CD-R Waste Recycling Process : Ultrasonic Separation Process Of Gold (Azliyana Binti Ahmad - PPK Bahan)

Kategori G : EMG Sensor Head-Set To Detect and Alert Driver In Drowsiness (Lim Jin Chow & Bonaventure Tay Kheng Liang - PPK Mekatronik)

Berikut disertakan statistik pingat yang berjaya dimenangi oleh peserta mengikut Pusat-pusat Pengajian :

PPK	EMAS	PERAK	GANGSA
Bahan	5	8	2
Mekatronik	3	2	0
Sistem Elektrik	2	2	1
Alam Sekitar	2	4	2
Mikroelektronik	1	4	6
Pembuatan	1	4	1
Komputer & Perhubungan	1	2	4
Bioproses	1	2	4
Jumlah	16	28	20

